July 2017

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

74th ISSUE info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN

Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1578

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR

Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR

Roselind Wee
CHIEF EDITOR (ENGLISH)

Lilly Metom
DEPUTY CHIEF EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Aiza Johari
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Azlina Ghazali
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Jacqueline Susan Anak Rijeng
EDITOR (BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)

Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)

Ardiana Mazwa Raudah Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)

Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)

Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)

Adib Sarkawi
WEB MASTER

Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

Retreat Pemurnian Perancangan Strategik 2016-2020 UiTM Cawangan Sarawak

Oleh: Sarehan binti Sadikin & Yeo Jiin Yih

Unit Perancangan Strategik, UiTM Sarawak telah berjaya menganjurkan Retreat Pemurnian Perancangan Strategik 2016-2020 pada 20 dan 21 Mac 2017 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kota Samarahan, Sarawak dengan disertai oleh 67 orang staf UiTM Sarawak. Program ini bertujuan

1. Memperluaskan akses kepada pengajian tinggi melalui pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan dalam talian di peringkat nasional dan global
2. Mempertingkatkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
3. Memperkasakan tadbir-urus melalui penggabungan autonomi dan akauntabiliti
4. Mempertingkatkan prasarana system penyampaian universiti
5. Mempertingkatkan kemampanan kewangan dan penjanaan pendapatan – Penjanaan Pendapatan
6. Mempertingkatkan inovasi, paten harta intelek dan pengkomersilan melalui jalinan kolaborasi
7. Mempertingkatkan kecemerlangan bakat komuniti akademik melalui pembangunan pendidik, penyelidik, pengamal profesional, pemimpin institusi dan staf sokongan
8. Mempertingkatkan kemampanan kewangan dan penjanaan pendapatan - Penjimatan Kos

Program bermula dengan taklimat tentang hala-tuju universiti dan Overview Perancangan Strategik 2016-2020 dan diakhiri dengan pembentangan dan review strategi/pelan tindakan baru di mana perbincangan untuk merangka strategi dan pelan tindakan telah dijalankan mengikut kumpulan.

Minggu Destini Siswa (MDS) bagi Sesi Interim Jun 2017

Oleh: Mohammad Abang

Seramai 1,429 mahasiswa dan mahasiswi baru mendaftar sebagai pelajar baru di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 bagi sesi Jun 2017 yang bermula pada 4 Jun 2017. Lebih menarik terdapat juga beberapa pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) yang turut mendaftar sebagai pelajar baru kelihatan bersemangat untuk memulakan sesi pengajian di UiTM Cawangan Sarawak.

Majlis kemuncak adalah Perasmian Minggu Destini Siswa (MDS) yang disempurnakan oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali dan turut dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua-Ketua Bahagian, Ketua-Ketua Unit dan Koordinator-Koordinator program serta kakitangan lain.

Dalam amanatnya, Dato Dr. Jamil mengingatkan kepada setiap pelajar baru supaya menggunakan peluang belajar di UiTM Cawangan Sarawak dengan sebaik-baiknya dengan membuktikan bahawa mereka sememangnya layak melanjutkan pengajian di universiti terbesar ini.

Sambil mengucapkan tahniah kepada pelajar yang berjaya, beliau mahu setiap pelajar perlu tahu peranan serta tanggungjawab mereka apabila melangkah kaki ke universiti dan gunakan peluang yang terhidang ini untuk menjamin kejayaan di masa hadapan.

"Apa yang berlaku di sekolah sebelum ini, beberapa keputusan peperiksaan yang ada dapat, lupakanlah. Itu semua sudah menjadi sejarah.

"Sekarang tiba masanya untuk anda memulakan babak baru dalam kehidupan anda. Gunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya kerana ramai lagi rakan-rakan anda yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian di UiTM," pesannya kepada pelajar.

Beliau juga mengingatkan kepada para pelajar bahawa mereka belajar di universiti bukanlah disebabkan mereka pandai tetapi mereka belajar di universiti kerana mahu menjadi pandai.

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my